

BUDENASE AQ NASAL SPRAY 100MCG/DOS

Budesonide (100mcg/dos)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BUDENASE AQ
2. Bagaimana BUDENASE AQ berfungsi
3. Sebelum menggunakan BUDENASE AQ
4. Cara menggunakan BUDENASE AQ
5. Semasa menggunakan BUDENASE AQ
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BUDENASE AQ
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan BUDENASE AQ

BUDENASE AQ digunakan untuk merawat dan mencegah kesan-kesan alergi yang bermusim dan sepanjang tahun (seperti demam alergi) yang boleh mengakibatkan keradangan di dalam hidung (rinitis).

-Ia juga digunakan untuk merawat rinitis bukan alergi dan pertumbuhan kecil di dalam hidung (polips hidung).

-Ia juga boleh menghalang polips hidung dari kembali selepas ia dikeluarkan.

Bagaimana BUDENASE AQ berfungsi

BUDENASE AQ mengandungi sejenis ubat yang dikenali sebagai budesonide. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai kortikosteroid. Ia berfungsi dengan mengurangkan dan mencegah bengkak dan keradangan di hidung anda.

Sebelum menggunakan BUDENASE AQ

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil BUDENASE AQ jika:

- Anda alergik terhadap budesonide atau mana-mana bahan kandungan BUDENASE AQ
- Jika anda mempunyai jangkitan kulat, bakteria atau virus yang tidak dirawat.
- Jika anda mempunyai jangkitan virus mata (herpes simpleks okular)
- Jika anda mempunyai jangkitan batuk kering (tibi) dalam paru-paru anda

- Jika anda ada luka hidung yang belum disembuhkan

Mengandung dan penyusuan badan

• Jika mengandung atau merancang untuk mengandung atau menyusu, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan BUDENASE AQ

- Budenase AQ hanya boleh digunakan semasa kehamilan jika doktor anda merasakan manfaat menggunakan semburan mengatasi sebarang risiko.

-Sebelum mula menggunakan

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Budenase AQ. Anda perlu memberitahu doktor anda sebelum menggunakan mana-mana ubat yang berikut:

- Jika anda mempunyai jangkitan kulat atau virus

Jika anda menggunakan Budenase AQ dalam jangka panjang doktor anda akan memeriksa lapisan hidung anda setiap 6 bulan untuk memastikan ia berada dalam keadaan yang baik.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan atau sedang menggunakan mana-mana ubat yang berikut:

- Ubat untuk jangkitan kulat (seperti ketoconazole)
- Ubat untuk pengguguran bayi seperti mifepristone.
- Ubat antibiotik (seperti erythromycin)
- Ubat-ubatan untuk merawat kemurungan seperti (fluoxetine)
- Ubat-ubatan untuk merawat jangkitan HIV seperti (ritonavir)
- Ubat-ubatan untuk melegakan kesakitan atau demam seperti (aspirin)
- Ubat tablet atau sirap steroid
Vaksin boleh diambil seperti yang disyorkan dalam orang yang sihat

Cara menggunakan BUDENASE AQ

-Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa gunakan Budenase AQ tepat seperti doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda. Semak

dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Dos yang disyorkan adalah:

Rinitis

- Dewasa dan kanak-kanak lebih 6 tahun: Dua semburan ke dalam setiap lubang hidung setiap pagi. Dalam sesetengah kes, doktor anda mungkin menasihatkan satu semburan ke dalam setiap lubang hidung setiap pagi dan petang.

- Dos kawalan: Gunakan dos efektif paling rendah (1 semburan dalam setiap lubang hidung sekali sehari)

- Doktor anda boleh mengurangkan dos apabila anda bertambah baik.

Anda akan perlu menggunakan semburan Budesonide secara tetap.

Nasal Polyps

Dos yang biasa adalah satu semburan Budenase AQ ke dalam setiap lubang hidung setiap pagi dan petang.

Budenase AQ tidak digalakkan untuk kegunaan kanak-kanak di bawah 6 tahun

-Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Bincang dengan doktor anda terlebih dahulu sebelum berhenti menggunakan ubat ini.

Rawatan untuk polips hidung hanya boleh diteruskan sehingga 3 bulan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan satu dos, ambil selepas anda ingat. Walaubagaimanapun, jika telah hampir masa untuk menggunakan dos seterusnya, tunggu sehingga waktu tersebut. Jangan menggunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang telah tertinggal.

-Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Adalah amat penting untuk anda menggunakan dos seperti yang tertera pada label atau mengikut nasihat

BUDENASE AQ NASAL SPRAY 100MCG/DOS

Budesonide (100mcg/dos)

doktor anda. Anda harus menggunakan dos yang disarankan sahaja. Pengambilan yang berlebihan mungkin akan menyebabkan simptom anda bertambah teruk. Jika anda terambil secara berlebihan, beritahu doktor anda dengan segera.

Menggunakan terlalu banyak boleh menyebabkan tanda-tanda dan gejala *hypercorticism* (tahap hormon yang tinggi), fungsi hipotalamus-pituitari-adrenal (HPA) dan penindasan pertumbuhan pada kanak-kanak

Semasa menggunakan BUDENASE AQ

-Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan BUDENASE AQ. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

• Ubat ini menggunakan masa beberapa hari untuk memberi kesan, dengan itu amatlah penting untuk menggunakan dengan tetap. Jangan berhenti rawatan walaupun anda berasa lebih baik melainkan arahan daripada doktor

• Ubat ini hanya disyorkan untuk anda. Jangan benarkan orang lain menggunakan ubat ini.

-Perkara yang perlu diambil perhatian

Penggunaan jangka panjang budesonide boleh menyebabkan penindasan pertumbuhan pada kanak-kanak. Pantau dengan teliti pertumbuhan kanak-kanak. Semasa terapi dos tinggi untuk jangka panjang, pemantauan darah dan fungsi adrenal adalah dinasihatkan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, BUDENASE AQ boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya

Jika anda mengalami mana-mana symptom reaksi alergic berikut, berhenti menggunakan BUDENASE AQ dan maklumkan doktor segera:

- Ruam kulit, gatal, geligata, kulit melepuh. Muka, bibir, lidah atau tekak bengkak (sukar untuk menelan).

Kesan-kesan sampingan lain

-Ketidakselesaan dalam hidung atau rasa pedih dalam hidung anda. Ini boleh berlaku sejurus selepas menggunakan Budenase AQ.

- Pendarahan dari hidung.

- Kerengsaan tekak, batuk meningkat.

- Jarang sekali, ulser di bahagian dalam hidung dan penembusan membran yang memisahkan lubang hidung (septum hidung) boleh berlaku.

Jika sebarang kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel. 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public --> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan BUDENASE AQ

-Penyimpanan

Simpan di bawah 25 ° C. Lindungi dari cahaya. Jauhkan ubat ini daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak. Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label selepas EXP. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Ampaian sekata putih yang boleh disebarkan semula diisi dalam botol 10 ml kaca ambar dengan pemasangan semburan hidung.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif: Budesonide

-Bahan-bahan tidak aktif: Anhydrous glucose, Avicel RC, polysorbate 80, potassium sorbate, hydrochloric acid, disodium edetate and water for injection.

-Nombor MAL: MAL20031746AZ

Pengilang

Cipla Ltd.

Plot 9 & 10,

Indore SEZ Pithampur,

M.P. 454775 India

Pemegang Pendaftaran Produk

Cipla Malaysia Sdn. Bhd.

Unit No: 1101, Amcorp Tower,

Amcorp Trade Center,

No. 18, Persiaran Barat

46050 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemas kini RIMUP

29/08/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)290817/00234